



EDISI JULAI 2025

BULETIN PETALING JAYA

MBPJ TERIMA PENGIKTIRAFAN

PLATFORM SELANGOR (PLATS) 2025



Majlis

**JALINAN SINERGI &
APRESIASI RAKAN STRATEGIK
PLATFORM SELANGOR**

Dirasmika

YAB DA

Dato' M

Rakan Strate

UPEN

KITASELANGOR

visit
Selangor
2025

EDISI
PERCUMA

Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan

www.mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

pjcitycouncil



IMBAS KOD QR UNTUK AKSES
BERITA PETALING JAYA
DALAM TALIAN



**MALAYSIA
MADANI**

**SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS**

KITASELANGOR



**EDISI
PERCUMA**

Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan

www.mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

[pjcitycouncil](#)

Isi Kandungan

Tajuk

Muka Surat

PERASMIAN JERSI PASUKAN AKADEMI HOKI MBPJ

3

SUKANEKA TADIKA MBPJ

4-5

MBPJ TERIMA PENGIKTIRAFAN PLATFORM SELANGOR (PLATS) 2025

6-7

DATUK BANDAR PETALING JAYA SERTA DISKUSI AGENDA NASIONAL 2025

8-9

SAMBUTAN HARI ORGANIK

10-11

PJ INTERNATIONAL OUTDOOR EXPO 2025

12-13

MBPJ CUNGKIL BAKAT BAHARU BADMINTON

14-15

AKTIVITI-AKTIVITI AHLI MAJLIS MBPJ JULAI

16-23

SIDANG REDAKSI

www.mbpj.gov.my [f](#) Majlis Bandaraya Petaling Jaya [@](#) [t](#) [v](#) [d](#) [p](#) [jcitycouncil](#)

PENAUNG

Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon

PENASIHAT

Hjh. Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG

Abdul Hakim bin Khairuddin

WARTAWAN

Muhammed Azmi bin Yusoff

Nor Sarina binti Lamak

Mohammad Shah bin Badlishah

JURU GAMBAR

Rusdi bin Mohamed Halik

Intan Khairana binti Md. Zali

Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK

Badrul Hisham bin A. Bakar

Abdul Manaf bin Zakaria

Ihfaznur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

✉ : media@mbpj.gov.my

Perasmian JERSI PASUKAN AKADEMI HOKI MBPJ

Tanda Kesiapsiagaan Menghadapi Liga Hoki Kebangsaan 2025

SEKSYEN 3, 10 JULAI - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menerusi Akademi Hoki MBPJ telah mengadakan Majlis Perasmian Jersi Pasukan Hoki Lelaki, Wanita dan Remaja di Stadium Hoki Petaling Jaya baru-baru ini.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Haji Mohamad Zahri Haji Samingon. Turut hadir Pn. Norazizah Mukijan, Pengurus Hoki MBPJ; En. Stephen Asecalin V. Fernandez, Naib Presiden Persatuan Hoki Selangor (PHS); En. Kamarul Hanif bin Husaini, Ketua Pegawai Pemasaran Let's Play

Performance serta En. Gopalan a/I Gnanakkannu, Pengarah Jualan Micro Technology Solution Sdn. Bhd.

Majlis ini melambangkan kesiapsiagaan tiga pasukan Akademi Hoki MBPJ untuk menggalas cabaran dalam Kejohanan Liga Hoki Kebangsaan 2025 yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Dalam majlis tersebut, Datuk Bandar turut merakamkan penghargaan kepada para penaja

atas sokongan padu terhadap pembangunan bakat sukan tempatan, khususnya dalam sukan hoki. Antara penaja yang terlibat ialah Let's Play Performance, Micro Technology Solution Sdn. Bhd. dan Fadzliworks.

Majlis berlangsung dengan penuh semangat kesukanan, sekali gus menyuntik inspirasi kepada pemain-pemain muda untuk terus mengharumkan nama Petaling Jaya di pentas kebangsaan.



SUKANEKA TADIKA MBPJ

Kali Ke-26 Meriah

SEKSYEN 3, 12 JULAI - Sukaneka Tadika Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Kali Ke-26 Tahun 2025 telah berlangsung dengan penuh meriah di Kompleks Sukan Arena, Petaling Jaya.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Hj. Hassan, yang turut menyampaikan penghargaan atas penglibatan aktif para peserta dan tenaga pengajar.

Lebih daripada sekadar acara riadah, kejohanan ini menjadi platform penting dalam memupuk semangat kesukanan, kerjasama, dan disiplin dalam kalangan 145 orang murid berusia antara 3 hingga 6 tahun yang mengambil bahagian.

Penganjuran sukaneka ini turut mencerminkan komitmen berterusan MBPJ dalam memperkukuh akses kepada pendidikan awal yang berkualiti, sekali gus memberi impak positif terhadap pembentukan sahsiah dan pencapaian holistik kanak-kanak di bawah tadika kendalian MBPJ.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samingon yang hadir memberi sokongan dan turut menyertai acara kategori keluarga seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Kemeriahan acara ini jelas menunjukkan usaha MBPJ dalam menyemai semangat kesukanan dan perpaduan antara murid, ibu bapa serta warga pendidik di Petaling Jaya.





MBPJ TERIMA PENGIKTIRAFAN Platform Selangor (PLATS) 2025

SHAH ALAM, 15 JULAI - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menerima pengiktirafan di Majlis Jalinan Sinergi & Apresiasi Rakan Strategik Platform Selangor (PLATS) 2025 yang berlangsung di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Majlis berprestij itu telah disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari sebagai tanda penghargaan kepada pelbagai agensi dan pihak berkuasa tempatan yang memainkan peranan penting dalam menjayakan inisiatif digital negeri tersebut.

MBPJ merupakan antara dua belas pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menerima sijil penghargaan sebagai pengiktirafan atas komitmen dan peranan aktif dalam menyokong pelaksanaan Platform Selangor (PLATS) - sebuah platform digital inklusif yang diwujudkan untuk memperkasa rakyat dan usahawan negeri Selangor melalui ekonomi digital.

Sijil penghargaan tersebut telah disampaikan kepada Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Haji Mohamad Zahri Haji Samingon, yang mewakili MBPJ dalam majlis berkenaan.

Pengiktirafan ini mencerminkan sumbangan berterusan MBPJ dalam memacu pembangunan usahawan mikro dan industri kecil dan sederhana (IKS) menerusi pelbagai program dan inisiatif. Antara fokus utama MBPJ termasuk penyediaan akses kepada teknologi, latihan keusahawanan, serta peluang pasaran digital yang lebih luas dan kompetitif kepada komuniti perniagaan tempatan.

MBPJ terus komited untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkukuh ekosistem digital dan memastikan manfaat pembangunan ekonomi dapat dinikmati secara inklusif oleh seluruh masyarakat Petaling Jaya.





DATUK BANDAR PETALING JAYA

Sertai Diskusi Agenda Nasional 2025

PUTRAJAYA, 17 JULAI - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) menganjurkan Program Diskusi Agenda Nasional 2025 bertemakan "Perancangan Guna Tanah Mampan ke Arah Kesejahteraan Sosial, Pertumbuhan Ekonomi dan Kelestarian Alam Sekitar" di Dewan Seri Seroja, Presint 15, Putrajaya.

Program tahunan ini menjadi platform strategik untuk membincangkan isu-isu semasa berkaitan perancangan guna tanah, pembangunan bandar, dan persekitaran yang mampan. Ia juga berperanan dalam merangka hala tuju dasar serta strategi utama bagi pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5) dan Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3), yang menyasarkan pembangunan negara secara holistik, seimbang dan lestari.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samingon dijemput sebagai ahli panel bagi Sesi 3: "Peningkatan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Rakyat".

Dalam sesi ini, beliau berkongsi pandangan mengenai bagaimana perancangan bandar yang inklusif dapat meningkatkan kesejahteraan komuniti, termasuk akses kepada kemudahan awam, ruang hijau, pengangkutan lestari, dan infrastruktur sosial. Beliau menekankan kepentingan memastikan pembangunan bandar selari dengan keperluan sosial dan ekonomi rakyat, tanpa mengabaikan kelestarian alam sekitar.

Program ini menghimpunkan 200 peserta, termasuk wakil daripada kementerian, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun persekutuan dan agensi berkaitan lain.

Kehadiran pelbagai pihak ini menunjukkan komitmen bersama dalam membina negara yang seimbang, di mana pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial, dan kelestarian alam sekitar berjalan selari.

Selain perbincangan formal, program ini turut membuka ruang bagi peserta untuk bertukar idea dan pengalaman, merungkai cabaran serta mencari penyelesaian kreatif dalam perancangan bandar dan pembangunan lestari. Aktiviti seperti ini diharapkan akan membantu memperkukuh polisi perancangan negara serta memastikan RFN5 dan DPN3 dapat dilaksanakan dengan lebih efektif, sejajar dengan aspirasi negara untuk mencapai pembangunan mampan dan kualiti hidup rakyat yang lebih baik.





Sambutan HARI ORGANIK

Semarakkan Kesedaran Alam Sekitar Petaling Jaya

S 2, 26 JULAI - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus memperkukuh komitmennya terhadap pembangunan mampan dan kelestarian alam sekitar menerusi penganjuran Sambutan Hari Organik Peringkat MBPJ 2025 yang telah berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang SS2, Petaling Jaya.

Program anjuran Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ dengan kerjasama Centre for Environment, Technology and Development, Malaysia (CETDEM) ini menghimpunkan pelbagai komuniti bandar, pengusaha organik serta pencinta alam bagi meraikan gaya hidup hijau dan mesra alam.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha (Pengurusan) MBPJ, Tuan Mohd Fauzi Maarop. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan penganjuran program seumpama ini dalam memperkukuh kesedaran masyarakat bandar terhadap impak gaya hidup moden dan pilihan makanan ke atas kesihatan serta persekitaran. Sambutan kali ini lebih inklusif dengan pelbagai aktiviti serta pengisian yang

ditawarkan untuk seisi keluarga. Pengunjung berpeluang mendapatkan pelbagai hasil tani segar dari kawasan tanah tinggi dan rendah di ruang pameran termasuk sayur-sayuran berdaun, kekacang, tanaman ubi serta buah-buahan. Lebih istimewa, turut ditawarkan jualan durian hutan, buah tempatan yang jarang ditemui di pasaran biasa dan pastinya mencuri tumpuan para pencinta durian.

Selain itu, terdapat juga barangan keperluan harian berasaskan organik seperti beras, mi, bijirin, benih tanaman serta produk penjagaan tanah dan baja kompos daripada najis lembu. Tidak ketinggalan, pelbagai produk kesihatan dan kebersihan rumah bebas toksik, barangan penjagaan diri, pakaian kapas tanpa peluntur dan hasil kraf tangan buatan tangan komuniti Orang Asli dan aktivis kitar semula turut ditawarkan.

Segmen makanan dan minuman juga mendapat sambutan luar biasa, menampilkan pelbagai sajian fusion seperti mi keladi, nasi keladi, salad, jem, ulam-ulaman serta minuman menyegarkan seperti teh kombucha, jus Beetroot dan barli hijau.

Bagi mereka yang ingin menimba ilmu dan kemahiran baharu, terdapat pelbagai sesi ceramah dan demonstrasi yang berlangsung sepanjang hari antaranya ceramah mengenai sistem tanaman jimat air di rumah, pengurusan perosak secara semula jadi, pemahaman tentang khasiat madu gua serta rawatan holistik penyakit ekzema. Malah, satu sesi dialog terbuka turut dianjurkan melibatkan petani, pengguna, NGO dan agensi terlibat yang membincangkan cabaran pertanian organik di Malaysia dan kelangsungan hidup petani tempatan.

Pengunjung juga berpeluang melawat Smart PJ Waste Solution Lab, menyaksikan sendiri proses pengkomposan sisa makanan secara langsung serta menerima baja cecair kompos secara percuma bagi pengunjung yang membawa botol kosong sendiri berkapasiti maksimum dua liter.

Bagi menceriakan lagi sambutan, MBPJ turut menawarkan pemberian anak pokok percuma kepada 50 pengunjung terawal sebagai simbolik komitmen menanam kesedaran hijau dalam diri setiap warga bandar raya.





PJ **International Outdoor Expo 2025**

Tampil Lebih Dinamik

KELANA JAYA, 27 JULAI - Majlis Penutup *PJ International Outdoor Expo 2025* berlangsung meriah di Kompleks Sukan, Kelana Jaya. Majlis telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samington.

Memasuki edisi keempat, ekspo tahunan ini terus mencuri perhatian pencinta aktiviti luar dengan penyertaan antarabangsa yang lebih meluas melibatkan peserta dari Malaysia, Jepun, China, Pakistan, Indonesia dan beberapa negara lain.

Datuk Bandar Petaling Jaya menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan acara ini dan menegaskan bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) amat berbangga menjadi rakan strategik utama yang komited dalam menjayakan penganjuran ekspo setiap tahun.

Mengangkat tema #MalaysiaLuarBiasa, ekspo kali ini meraikan kecekalan, kejayaan dan semangat luar biasa rakyat Malaysia dan komuniti global dalam dunia eksplorasi dan kecergasan.

Beberapa ikon terkenal turut hadir memeriahkan acara antaranya En. Soh Wai Ching, juara dunia acara larian menara yang juga merupakan Duta Rasmi Majlis, En. Zahariz Khuzaimah, En. Ekaputra Jabar dan Pn. Nadiah Aziz, pengembara dunia berbasikal, En. Ravichandran Tharumalingam, pendaki Gunung Everest serta En. Khafiz Al Kicok, pendaki Gunung K2.

“Kita bukan sahaja meraikan pencapaian mereka, malah menjadikan pengalaman mereka sebagai sumber inspirasi dan ilmu yang mampu membentuk generasi lebih lasak, sihat dan berdaya tahan,” ujar Datuk Bandar.

Edisi kali ini turut memperkenalkan pendekatan baharu melalui elemen pembelajaran luar, yang merangkumi sesi perkongsian ilmu berkaitan rekreasi, keselamatan, serta persediaan fizikal dan mental. Inisiatif ini seiring dengan aspirasi MBPJ dalam memperkasakan gaya hidup sihat, aktif dan celik alam dalam kalangan warga bandar raya.

Satu lagi kelainan utama tahun ini ialah penambahan satu kategori baharu dalam Anugerah *Outdoor Expo Malaysia* (OXM) 2025, menjadikan keseluruhan empat kategori anugerah seperti *Green Award*, *Safety Award*, *Best Deco Award* dan *Innovation Award* (kategori baharu).

Penilaian anugerah ini dibuat berdasarkan impak sosial, kesan terhadap alam sekitar serta sumbangan terhadap pembangunan industri aktiviti luar. Ini mencerminkan komitmen penganjur untuk mewujudkan ekosistem *outdoor* yang mampan, inklusif dan progresif.

PJ International Outdoor Expo 2025 bukan sekadar pameran, sebaliknya merupakan platform pembelajaran, inspirasi dan penglibatan komuniti. Sepanjang tiga hari penganjuran yang bermula dari 25 hingga 27 Julai 2025, pelbagai aktiviti interaktif dan berimpak tinggi telah ditawarkan kepada pengunjung sekali gus menjadikan ekspo ini satu medan terbaik dalam membudayakan gaya hidup aktif dan lestari dalam kalangan masyarakat bandar.





MBPJ CUNGKIL

Bakat Baharu Badminton

KELANA JAYA, 30 JULAI - Penganjuran Kejohanan Badminton Berpasukan Piala Datuk Bandar Petaling Jaya 2025 menjadi platform mencungkil bakat-bakat muda dalam sukan badminton.

Kejohanan anjuran bersama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Malaysian Indian Badminton Association (MIBA) ini berlangsung dari 29 hingga 31 Ogos 2025 di Gelanggang Badminton, Dewan D' Kelana, Petaling Jaya.

Kejohanan ini menghimpunkan seramai 192 pemain muda dan amatir dari seluruh negara melalui penyertaan maksimum 32 pasukan.

Penganjuran kejohanan ini membawa aspirasi besar dalam memperkasa pembangunan sukan badminton tempatan, khususnya di peringkat akar umbi. Ia berperanan sebagai platform strategik untuk mencungkil, membentuk dan mengetengahkan bakat-bakat baharu yang berpotensi mewakili Petaling Jaya, Selangor, dan seterusnya negara.

Pada masa yang sama, kejohanan ini turut menjadi medium penyatuan masyarakat pelbagai kaum, menyemarakkan semangat perpaduan dan keharmonian nasional seiring dengan sambutan bulan kemerdekaan ke-68 tahun ini.

Selain itu, kejohanan ini memberi peluang kepada para peserta merasai pengalaman bersaing dalam suasana pertandingan yang lebih profesional dan berprestij, menepati standard kejohanan antarabangsa.

Dengan penggunaan sistem kiraan mata terkini dan liputan kejohanan secara langsung, ia pastinya memberikan dimensi baharu kepada penganjuran sukan di peringkat komuniti.

Kejohanan ini menawarkan sebanyak lima kategori iaitu bawah 10 tahun – perseorangan perempuan, bawah 10 tahun – perseorangan lelaki, bawah 13 tahun – perseorangan perempuan, bawah 15 tahun – perseorangan lelaki dan beregu lelaki (amatir).

Pasukan johan akan menerima RM2,500, naib Johan RM1,500, manakala tempat ketiga bersama masing-masing akan menerima hadiah wang tunai RM750. Kejohanan ini turut menerima tajaan daripada beberapa syarikat korporat dan badan sukan yang menyokong penuh inisiatif pembangunan badminton tempatan. Antara rakan penaja termasuk Absolute Protech Sports (M) Sdn. Bhd. yang diterajui oleh YBhg. Datuk Ronnie Chong, RAK, Selangor Badminton Association (SBA) dan Club ZEAL SPORT.

MBPJ yakin bahawa kejohanan ini bukan sahaja memperkukuh peranan badminton sebagai sukan teras negara malah berupaya melahirkan generasi muda yang sihat, berdaya tahan, berdisiplin serta menjunjung semangat perpaduan dan kesukanan.

Kejohanan ini dijangka menarik perhatian masyarakat setempat dan memberi inspirasi lebih ramai belia untuk aktif dalam dunia sukan sekali gus menyumbang kepada pembangunan komuniti sukan yang inklusif dan kompetitif.





Aktiviti-aktiviti

Ahli
Majlis
MBPJ

JULAI

SANTAI MEMANCING SUKARELAWAN DN TAMAN MEDAN • 5 & 6 JULAI 2025, PULAU KETAM



PROGRAM JELAJAH SURAU SUBUH BERJEMAAH • 6 JULAI 2025, TAMAN MEDAN CAHAYA



RIANG RIA ZUMBA ZON 15 • 6 JULAI 2025, JALAN SELANGOR



GOTONG-ROYONG PERDANA BANTERAS DENGGI • 7 JULAI 2025, LEMBAH SUBANG 2



PROGRAM JOM KACAU BUBUR ASYURA • 12 JULAI 2025, SS 8



KEJOHANAN SUKAN TAHUNAN SMK TAMAN MEDAN • 13 JULAI 2025, BUKIT JALIL



KARNIVAL OSHE SMK TAMAN MEDAN BERSAMA AHLI MAJLIS ZON 18 • 13 JULAI 2025, TAMAN MEDAN



KELAS LITERASI DIGITAL TELEFON BIMBIT UNTUK WARGA EMAS • 18 JULAI 2025, SS 2/6



PROGRAM SERAHAN UBAT NYAMUK DAN JENTIK-JENTIK • 19 JULAI 2025, KELANA JAYA



PROGRAM FITHOP AMBASSADOR DANCE • 20 JULAI 2025, KELANA JAYA



SESI RONDA MALAM BERSAMA PENDUDUK SS 2 SELATAN • 23 JULAI 2025, SS 2



LAWATAN MPP ZON 14 KE KUALA SELANGOR • 25 & 26 JULAI 2025, KUALA SELANGOR



INTERNATIONAL INDOOR AIR GAMES 25 • 25 - 27 JULAI 2025, SEKSYEN 52



KAYUHAN KEMPEN *LOW CARBON* DAN KIBAR JALUR GEMILANG • 27 JULAI 2025, KELANA JAYA



SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

SISPAA

 <https://mbpj.spab.gov.my>

HOTLINE ADUAN

 03-7954 2020

BILIK GERAKAN BENCANA

 03-7957 4113 Beroperasi 24 Jam

DATANG SENDIRI / KAUNTER

 Seksyen Aduan Awam,
Tingkat Bawah,
Bangunan Annex MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan



**SILA IMBAS
KOD QR INI
UNTUK KE
LAMAM WEB
SISPAA MBPJ**

**APLIKASI
TELEFON PINTAR**




**Respons
Rakyat**



ANDROID



iOS



DITERBITKAN OLEH:

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBPJ